



## MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

( BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEJURUTERAAN )

### GARIS PANDUAN KERJA TANAH

#### **SYARAT-SYARAT BAGI KERJA TANAH :-**

1. Segala prosedur kerja tanah hendaklah mematuhi kelulusan pelan dari MDTM, Undang-Undang Kecil Kerjatanah MDTM 2001 tertaluk kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Seksyen 70A.
2. Kerjatanah adalah bermaksud apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas, menebang pokok di atas tanah, atau lain-lain perbuatan yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah.
3. Jurutera perunding yang memperakui pelan-pelan hendaklah menjalankan penyeliaan dan pemeriksaan untuk memastikan kerjatanah mengikut pelan-pelan, spesifikasi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak majlis, pindaan-pindaan pelan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak majlis dalam kelulusan pelan.
4. Jurutera perunding hendaklah memberitahu kepada pihak majlis dalam masa satu (1) minggu sebelum melaksanakan kerja-kerja tanah dan dalam masa satu (1) minggu selepas kerja-kerja tanah tersebut selesai.
5. Bagi maksud para 4 pihak jurutera perunding hendaklah juga mematuhi peraturan garis panduan perakuan siap pematuhan (CCC) dengan melengkapkan Borang G1,G2 dan G3 dan memaklumkan kepada pihak majlis.
6. Kerja-kerja penambakan tanah mestilah tidak melebihi 2 kaki (0.6096m) dari aras jalan sediaada. Bagi kawasan yang risiko bagi aras penambahan perlu mendapat kelulusan pihak Majlis.
7. Pokok-pokok di tapak tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak telah disedia untuk diusahakan.

8. Pemasangan dinding pelindung (hording) dikawasan tapak bina hendaklah dibuat dengan kukuh dan permit perlu diperolehi kepada pihak majlis.
9. Wash trough perlu dibina dibahagian laluan keluar masuk kenderaan dan tayar-tayar kenderaan hendaklah dibersihkan terlebih dahulu sebelum keluar ke jalan utama.
10. Pembinaan silt trap / sediment basin hendaklah dibuat serentak atau terlebih dahulu dengan kerja-kerja pemotongan dan penambakkan tanah.
11. Benting (earth bank) parit tanah (earthdrain) sementara perlu dibina serentak dengan pembinaan silt trap / sediment basin.
12. Kelodak atau pasir yang terdapat dalam silt trap / sediment basin perlu sentiasa dibersihkan secara berkala dan paip outlet atas struktur penapis tidak boleh tersumbat dengan kelodak lumpur.
13. Rumput-rumput perlu ditanam dengan segera di kawasan tanah cerun, kawasan penampungan yang telah siap diusahakan untuk elak hakisan tanah.
14. Sediment Fence dari geotextile perlu disediakan bagi kawasan yang berhampiran sungai, laut dan sempadan tanah individu untuk mengawal air lumpur yang boleh mengakibatkan pencemaran.
15. Habuk-habuk atau debu tanah perlu dikawal samada di tapak bina atau di jalan keluar masuk bagi kawalan pencemaran udara.
16. Segala kerja-kerja tanah yang melebihi 3.5 meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan tanah atau kaedah penstabilan cerun melainkan dikecualikan oleh pihak majlis.
17. Bagi sisa-sisa tebing tanah yang melebihi 3.5 meter dalam hendaklah dilindungi dengan cerucuk kepingan keluli dan yang tidak melebihi 3.5 meter dalam hendaklah dilindungi dengan kepingan kayu atau lain-lain cara bagi mengelakkan runtuh tanah.
18. Segala bahan buangan seperti kayu-kayu, keluli, kertas-kertas dan sampah sarap hendaklah dibersihkan di tapak sebelum tanah-tanah ditimbus atau dipadatkan bagi mengelakkan pemendapan tanah dan pereputan bahan buangan yang menyebabkan pembiakkan serangga dan anai-anai.
19. Tempoh bagi kelulusan kerja tanah adalah dalam tempoh Enam (6) bulan bermula kerja-kerja di tapak dijalankan.
20. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerja tanah hendaklah ditentukan dan hendaklah mengemukakan

laporan penyiasatan tanah dan memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak menyebabkan kerosakan matan kepada mana-mana struktur jalan atau harta lain sekeliling, jika berlaku pihak pemohon bertanggungjawab sepenuhnya.

21. Majlis boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerja tanah boleh diteruskan keperingkat yang berikutnya menghendaki :-
  - a. Disalir dan dilencungkan alur utama dan alur kecil semulajadi termasuk mengadakan permatang dan pembetung dengan cukup ;
  - b. Bahawa penahan-penahan enap dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendapan diadakan dengan cukup serta diselenggara dengan sepenuhnya;
  - c. Bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;
  - d. Bahawa cerun-cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
  - e. Segala langkah-langkah berkesan perlu diambil untuk mengawal habuk-habuk yang akan timbul disebabkan oleh kerja tanah;
  - f. Bahawa asas tapak jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan kedalam alur air sediaada;
  - g. Bahawa timbusan-timbusan dipadatkan ;
22. Pemohon dikehendaki memastikan jalan utama ke tapak projek tidak kotor dan berdebu.
23. Langkah- langkah keselamatan perlu dititik beratkan terhadap kemalangan dengan memasang apa-apa papantanda, pengandang, rantai atau tiang dan kerja-kerja itu hendaklah diterangi dengan lampu dan dijaga dengan secukupnya pada waktu malam.
24. Pemohon juga dikehendaki memastikan laluan air yang hendak ditimbus dengan tanah/pasir tidak mengganggu aliran air sekitar yang boleh menyebabkan sebarang kerosakan berlaku.
25. Sebarang bahan buangan tapak bina hendaklah dibuang di tempat yang sesuai dan terlebih dahulu mendapat kelulusan/kebenaran oleh pihak Majlis.
26. Pihak tuan dikehendaki mendapatkan permit menggunakan jalan Majlis terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pemunggaan tanah dilaksanakan dan sebarang kerosakan pada jalan tersebut hendaklah dibaiki dengan kadar segera.  
(sekiranya melibatkan jalan Majlis)

27. Pihak tuan bertanggungjawab terhadap kerosakan, kemusnahan atau sebarang masalah yang timbul melibatkan kerja-kerja tanah yang dilaksanakan oleh pihak tuan.
28. Pihak tuan perlu mendapatkan kelulusan/permit menggunakan jalan JKR sebelum memulakan kerja tanah.
29. Segala kerosakan ke atas jalan raya, harta awam oleh kerja-kerja pemaju secara tidak langsung atau sebaliknya hendaklah dibaiki dengan keadaan yang memuaskan atau membayar ganti rugi tertakluk kepada Majlis.
30. Sebelum kerja-kerja tanah dijalankan pihak tuan dikehendaki mendapatkan permit perpindahan bahan batuan/tanah daripada pentadbir tanah di Pejabat Tanah & Jajahan Tanah Merah, sekiranya perlu. Pihak tuan mestilah memaklumkan secara bertulis kepada Majlis apabila kerja-kerja tanah hendak dimulakan.
31. Pelan kelulusan kerja tanah boleh diambil setelah semua bayaran dijelaskan.
32. Pihak tuan perlu mematuhi segala syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Tanah Merah (JPS).
33. Pihak Majlis berhak menambah mana-mana syarat yang difikirkan perlu pada bila-bila masa sahaja.